

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

30 JAN

USM PERLUAS KOLABORASI DENGAN IRAQ



PULAU PINANG, 30 Januari 2015 – Universiti Sains Malaysia (USM) memperluas kolaborasi dengan rakan strategik dari negara Iraq, Ishik University (IU) melalui satu memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai di sini, hari ini.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, kerjasama antarabangsa itu menjadi kesinambungan kepada usaha yang telah sedia dijalin sejak 2011, khususnya dalam memperkasakan bidang akademik dan penyelidikan.



Katanya, USM dan IU telah pun menjayakan beberapa usahasama melalui Pusat Pengajian Sains Komputer termasuk dalam Research University Cluster (RUC) Grant dengan tajuk "Reconstruction of The Neural Microcircuitry for Reward Controlled Learning in the Rat Hippocampus.

"USM dan IU juga bekerjasama menyelia pelajar-pelajar di peringkat ijazah doktor falsafah (Ph.D) dan ia akan dikembangkan ke peringkat sarjana dalam masa terdekat melalui perluasan kolaborasi ini," katanya ketika sidang media selepas manandatangani MoU itu di sini.

IU diwakili oleh Rektornya, Profesor Dr. Ahmet Oztas. Turut hadir ke majlis tersebut ialah pegawai-pegawai utama kedua-dua universiti termasuk timbalan naib canselor, pendaftar, dekan- dekan dan sebagainya.



Omar juga berkata, USM amat mengalu-alukan kerjasama dengan institusi-institusi luar negara yang komited dalam memacu bidang pengajian tinggi selain menggalakkan pertukaran idea dalam pelbagai bidang.


"Dengan IU misalnya, USM akan meneroka peluang kolaborasi khasnya dalam menerbitkan penerbitan ilmiah berimpak tinggi, penyelidikan dan mungkin juga melihat potensi pengembangan modal insan berkemahiran tinggi.



``USM juga menggalakkan IU untuk menghantar lebih ramai pelajar ijazah tinggi bagi mengikuti pengajian di USM dan sekaligus mengintai peluang untuk melakukan penyelidikan-penyelidikan yang memberi impak besar kepada komuniti dan bidang ilmu amnya," ujar beliau.

Dalam pada itu, Ahmet Oztaz pula menegaskan, IU mengambil peluang keemasan untuk memperluas kolaborasi dengan institusi luar negara seperti USM dan berharap penandatanganan MoU tersebut dapat menjadi batu loncatan untuk kerjasama lebih luas.

``Secara relatifnya, IU adalah sebuah universiti yang agak baru namun sedang berkembang pesat dan semakin dikenali. Kerjasama dengan USM dilihat sebagai salah satu matlamat IU untuk mengukuhkan peranannya sebagai gedung ilmu.



``IU dan USM akan terus bekerjasama khususnya dalam menjayakan pertukaran staf dan pelajar, selain melihat peluang untuk menganjurkan persidangan dan bengkel khas dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada pembangunan kedua-dua institusi," ujar beliau. Teks: Marziana Mohamed Alias/Foto: Mohd. Fairus Md. Isa

<http://usmtv.usm.my/index.php/news/player/2014/majlis-penandatanganan-mou-di-antara-usm-%E2%80%93-ishik-university-iraq> (<http://usmtv.usm.my/index.php/news/player/2014/majlis-penandatanganan-mou-di-antara-usm-%E2%80%93-ishik-university-iraq>)



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015